# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 39 | RABU 26HB SEPTEMBER, 1979. | رابو 4 ذوالقعدة 1399 | PERCHUMA

## MAJLIS MENGHANTAR AYENG ASAH-ASAHAN DAN BERTAHLIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis menghantar ayeng asah-asahan ka-Makam Diraja sa-lama tiga dan tujoh hari telah selamat di-sempurnakan ia-itu mulai 14hb September hingga 20hb September, 1979 yang lalu.

Rombongan menghantar ayeng asah-asahan itu di-kepalai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Pembesar2 Negara, Ahli2 Yang Berhormat, Pengiran2 Peranakan dan Pehin2 Manteri dan lain2.

Negeri Brunei berkabong masok hari ke-empat belas hari ini sejak kemangkatan Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, pada 13hb September lalu.

Berikutan dengan kemangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, seluroh negara berkabong sa-lama 30 hari dan 40 hari bagi Keluarga Diraja.

Majlis membacha Al-Kor'an pada tiap2 malam sa-lama tujoh hari di-Istana Darul Hana dan di-ikuti dengan Majlis Bertahlil sa-lama 40 hari bermula salepas menunaikan Sembahyang Fardhu Isha juga di-laksanakan.

Sementara itu Majlis Bertahlil Genap tiga hari, dan Majlis Bertahlil Genap tujoh hari, hari kemangkatan Almarhumah telah juga selamat di-sempurnakan, di-Istana Darul Hana.

Pelita di-fahamkan bahawa Majlis Bertahlil Genap 40 hari dan Majlis Bertahlil Genap 100 hari bagi memperingati kemangkatan Almarhumah juga akan di-langsongkan di-Istana Darul Hana pada tarikh dan waktu yang akan di-maalumkan kemudian.

Ada-lah juga di-fahamkan bahawa semua imam2 masjid dan surau di-seluroh negeri di-arahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama supaya mengadakan "Bachaan Tahlil" bersama2 dengan para jemaah di-masjid dan di-surau masing2 bagi Almarhumah. Bachaan Tahlil itu di-adakan sa-lepas Sembahyang Fardhu Maghrib pada tiap2 malam sa-lama 40 hari; mulai dari 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979 hingga 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 22hb Oktober, 1979.

Semoga Allah menghimpunkan roh Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, bersama2 dengan para Suhada dan Salehin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berangkat ka-Makam Diraja untok majlis menghantar ayeng asah-asahan.

## Amaran: Jangan naikkan harga sungkok

KUALA BELAIT. — Pengerusi Lembaga Bandaran Daerah Belait, Pengiran Idriss ibni Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad, telah menyeru kapada pekedai2 yang menjual kain dan sungkok di-Daerah Belait supaya jangan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga2 sungkok dan kain berikutan dengan perkabongan sekarang ini.

Beliau menyatakan satengah2 pekedai telah sengaja menaikkan harga kain hitam dan sungkok kapada harga yang terlalu tinggi dan tidak munasabah.

Perbuatan yang sa-demikian itu menurut beliau patut-lah segera di-berhentikan memandang dalam masa perkabongan sekarang pekedai2 kain dan sungkok patut-lah bekerjasama memberikan kemudahan kapada orang ramai untok mereka memperoleh kain dan sungkok dengan harga biasa dengan yang berpatutan.

Sa-terus-nya beliau mengingatkan pehak-nya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sa-kira-nya perkara ini tidak di-hentikan.

## Pengarah dan Tim. Pengarah Pertanian yang baru

BANDAR — SERI BEGAWAN. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan lantekan Dato Paduka Awang Abd Hamid bin Jaafar sa-bagai Pengarah Pertanian untok menggantikan Awang R.B. Woodroofe yang telah menamatkan perkhidmatan-nya baru2 ini.

Dato Paduka Abd Hamid mula berkhidmat dengan Jabatan Pertanian sejak bulan Jun 1948 dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pertanian.

Sa-masa dalam perkhidmatan, beliau telah menjalani latehan2 pertanian di-beberapa buah tempat, antara-nya Maktab Pertanian Serdang, Malaya; Sekolah Latehan Pegawai, Kuching; Maktab Pertanian Gatton dan University of Queensland, Australia; Pusat Pertanian Antarabangsa, Negeri Belanda dan Borgo a Mozzano, Itali.

Dato Paduka Abd Hamid ia-lah Timbalan Pengarah Pertanian sejak 1hb Mach 1974.

Sementara itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga telah memperkenankan lantekan Awang Danial bin Haji Hanafiah sa-bagai Timbalan Pengarah Pertanian untok menggantikan Dato' Paduka Abd Hamid.

Awang Danial mendapat didekan awal di-Sekolah Melayu Berakas dan kemudian-nya menuntut di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin sa-belum melanjutkan pelajaran-nya ka-United Kingdom atas biasiswa Kerajaan dalam tahun 1965.

Beliau berkhidmat dengan Jabatan Pertanian sa-bagai Pegawai Pertanian satelah beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains (Pertanian) dari Universiti Reading dalam tahun 1970.

Lihat muka 16



Dato Paduka Awang Abd Hamid bin Jaafar



Awang Danial

## 749 tunaikan fardhu haji tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 749 orang umat Islam di-negeri ini akan menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Jumlah ini ada-lah yang paling ramai yang pernah menunaikan fardhu haji sa-takat ini.

Bakal2 haji itu akan berlepas meninggalkan Brunei ka-Jeddah dalam dua penerbangan awal bulan depan.

Penerbangan pertama yang membawa sa-ramai 400 orang jemaah akan berlepas dari lapangan terbang antarabangsa Brunei pada hari Selasa 2hb Oktober jam 8.30 pagi. (senarai nama bakal2 haji yang akan bertolak pada hari itu di-siarkan di-muka 13).

Sementara penerbangan kedua yang membawa 349 orang akan bertolak meninggalkan lapangan terbang antarabangsa Brunei pada hari Selasa 9hb Oktober pada waktu yang sama.

Untok menjaga kebajikan dan kesihatan bakal2 haji kita itu, Kerajaan telah melantek lapan orang pegawai perhubongan dan lapan orang pegawai perubatan.

## Kursus Opereter, Penyambut Tetamu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus bagi Telefon Opereter dan Penyambut Tetamu akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai dari 1hb Oktober hingga 3hb Oktober depan. Kursus kali kedua yang di-kelolakan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan itu akan di-hadhiri oleh 13 orang Telefon Opereter dan Penyambut Tetamu dari 13 buah Jabatan Kerajaan.

Kursus tersebut ada-lah merupakan kursus yang ke-19 di-kendalikan oleh Yunit Latehan dalam siri kursus2 latehan yang di-rangka bagi tahun 1979 ini.

Sa-masa menghadhiri kursus, peserta2 akan mendengar cheramah2 yang akan di-sampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad Kadi dan Pegawai Latehan, Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman.

### Manis-nya Iman

"BARANG siapa yang inginkan do'a-nya di-makhbulkan Allah ketika di-dalam sa'at2 chemas serta duka maka hendak-lah dia membanyakkan do'a pada waktu senang serta mewah".

— HADITH Nabi Riwayat At-Tarmizi daripada Abu Hurairah.

## 29HB. SEPTEMBER HARI PERLEMBAGAAN

**Perlembagaan mengatorkan tanggong jawab bernegara. Kesedaran bernegara menghendaki tanggong jawab yang ikhlas serta ta'at setia yang padu.**

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

26HB SEPTEMBER, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## Hari Perlembagaan hari kebanggaan yang patut di-hormati

KALAU negara dan bangsa2 yang ada di-dunia sekarang ini masing2 ada dengan hari kebangsaan-nya, maka kita di-negara Brunei Darussalam ini juga tidak ketinggalan mempunyai hari2 sedemikian yang menjadi kebanggaan negara dan bangsa kita Brunei (National Pride). Salah satu dari hari2 yang di-maksudkan itu ia-lah 'Hari Perlembagaan' yang jatoh pada tanggal 29hb September. Hari Perlembagaan tetap akan menjadi resta-an sejarah kebangkitan negara dan bangsa kita, dan di-abadikan sebagai hari kelepasan awam.

Sepanjang perjanjian persahabatan dan kerjasama yang telah di-jalin di-antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan United Kingdom sejak tahun 1847 lagi ada-lah terus menerus bertaraf sebagai sa-buah negeri yang tidak termasok dalam ketogeri negeri2 jajahan. Segala perjanjian dengan Kerajaan United Kingdom itu ada-lah di-buat atas hasrat orang2 kita bagi memenohi keperluan2 negeri ini.

Oleh itu apa juga spekulasi berhubong dengan taraf negeri kita baik dahulu mahu pun sekarang tidak-lah sepatut-nya menjadikan kita orang2 Brunei berasa rendah diri jauh sekali menyerah kalah kapada dakyah anasir2 yang sengaja merasuk fikiran, bagi tujuan mereka yang jahat itu.

Tidak shak lagi Perlembagaan 1959 itu ada-lah merantis jalan ka-arah mempertinggikan taraf negara dan bangsa kita Brunei di-perengkat antarabangsa dan Perlembagaan serta kesejahteraan raayat yang penoh taat dan menchintai Negeri Brunei ini. Maka ada-lah kewajipan raayat sekalian untok menghormati dan mempertahankan-nya demi kesuchian ugama, raja, bangsa dan negara jua.

Negeri Brunei kini telah melangkah ka-hadapan untok menuju ka-gerbang kemerdekaan-nya dan barang sudah tentu tanggong jawab raayat sekalian akan bertambah-tambah berat. Bagaimana pun, dengan bertawakkal kapada Allah, tanggong jawab yang menchabar itu akan dapat di-ungkayahkan sedikit demi sedikit — dan kejayaan-nya akan bergantong besar kapada ka-taat setiaan raayat, kapada perkhidmatan yang tidak terhad, kapada perasaan mesra, bertolak ansor dan bekerjasama di-antara satu dengan lain, terutama pada memelihara dan mengekalkan negara.

Sa-untai sabda yang maseh terngiang-ngiang dari pengasas dan pejuang Perlembagaan Brunei itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, yang patut benar kita praktikkan di-zaman ini ia-lah : "Bahawa zaman ini bukan-lah zaman yang dikuasai oleh sesuatu yang semata-mata kuat di-tangan atau tegap di-badan sahaja. Tetapi zaman ini ia-lah zaman kemajuan dan kesedaran yang di-pimpin oleh otak yang sehat, oleh tangan yang lemah lembut, oleh kelakuan sopan santun, tutor kata dan budi bahasa yang baik."

# TARAF PEMERENTAHAN NEGERI BRUNEI SEPANJANG PERJANJIAN2 DENGAN GREAT BRITAIN



Awang Abas bin Haji Serudin

**SEMPENA keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, akitek Brunei moden dan pengasas Perlembagaan Brunei 1959, dan sempena Hari Perlembagaan 29hb September, maka renchana ini ada-lah di-hasratkan bagi memperingati kedua-dua peristewa yang bersejarah itu.**

**Renchana ini di-sediakan oleh Awang Abas bin Haji Serudin, sa-orang peguam dan sa-laku Penasehat Undang2 di-Pejabat Undang2 Brunei.**

**Semoga renchana ini akan dapat memberikan gambaran kedudokan Negeri Brunei yang sebenar-nya, mengenai taraf pemerentahan sepanjang perjanjian2-nya dengan Great Britain — Pengarang.**

NEGERI Brunei mempunyai sejarah-nya yang tersendiri. Pada zaman gemilang-nya di-bawah pemerentahan Sultan Bolkiah, raja ke-5 Negeri Brunei, kekuasaan Brunei melarat sampai ka-Filipina.

Orang2 Eropah, sa-telah mendengar peri kekayaan hasil mahsul di-negeri2 sebelah sini telah berlumba2 untok mendapatkan tapak di-negeri2 Timor dan sebahagian dari mereka telah sampai ka-Brunei.

Sa-telah orang2 Sepanyol dan Portugal gagal untok bertapak di-negeri ini, orang2 Belanda dan British pula mula mengembangkan pengaroh mereka. Dengan perlahan2 negeri2 di-bawah pemerentahan Brunei telah jatoh ketangan Belanda dan British yang mana Brunei akhir-nya ada-lah tinggal menjadi apa yang ada sekarang ini.

Dalam tahun 1847 Brunei dan Great Britain menanda-tangani satu perjanjian perdagangan dan penindasan lanun. Perjanjian ini di-perbuat supaya membolehkan orang2 British membuat perdagangan dengan tidak ada halangan di-negeri Brunei, di-samping membolehkan kapal2 perang British untok memusnahkan lanun dan aktibiti2 hamba-abdi. Begitu juga, orang2 British yang melakukan apa2 kesalahan dalam negeri akan di-bicharakan oleh Konsul British. Walaupun perjanjian ini lebeh banyak menguntongkan negeri Great Britain, akan tetapi ia-nya tidak-lah bermaana bahawa negeri Brunei telah di-jajah. Perjanjian ini dan isi kandongan-nya di-perbuat ada-lah atas persetujuan bersama antara Great Britain dan Brunei.

Perjanjian mengenai pembicharaan orang2 British yang melakukan kesalahan di-negeri Brunei telah di-ubah dalam tahun 1856 yang mana pembicharaan orang2 British yang di-tudoh itu bukan di-dengar oleh Konsul Besar British sahaja, tetapi juga bersama2 sa-orang pegawai yang di-lantek oleh Sultan Brunei.

Satu perjanjian telah di-perbuat lagi dalam tahun 1888. Perjanjian ini telah meletakkan Brunei di-bawah perlindongan Great Britain. Tetapi perlu di-ingat negeri kita berada di-bawah perlindongan Britain ada-lah atas kemahuan negeri kita sendiri pada masa itu. Jadi-nya di-permulaan Perjanjian itu tertulis "Bahawasa-nya, Sultan Hashim Jalilul Alam Akamadin, Sultan dan Raja yang sah bagi negeri Brunei, dalam pulau Borneo, telah menyampaikan kapada Kerajaan Baginda Queen kehendak negeri itu untok di-letakkan di-bawah perlindongan Baginda Queen, . . . . ." Fasal 1 Perjanjian itu di-sebut bahawa "Negeri Brunei akan berterusan di-perentah dan di-tadbirkan oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Akamadin yang di-sebutkan dan pengganti2 Baginda sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka, di-bawah perlindongan Great Britain; tetapi perlindongan sa-demikian tidak-lah memberikan sebarang hak kapada Kerajaan Baginda Queen untok champor tangan dalam pentadbiran dalam negeri Brunei sa-lain dari apa yang di-peruntokkan dalam Perjanjian ini".

Fasal III Perjanjian ini mempersharatkan bahawa perhubongan2 atau urusan2 luar negeri ini akan di-uruskan oleh Kerajaan Baginda Queen.

Ada-lah jelas dari Perjanjian tahun 1888 ini bahawa sementara Negeri Brunei berterusan menjadi sa-buah negeri yang merdeka penoh, akan tetapi atas kemahuan-nya sendiri, negeri ini telah di-letakkan di-bawah perlindongan Great Britain dengan urusan2 luar negeri di-selanggarakan oleh Great Britain.

Perjanjian 1888 di-ikuti pula oleh satu perjanjian lagi yang di-perbuat di-tahun 1906. Untok pengetahuan bersama kandongan Perjanjian tahun 1906 ini menyebutkan "Bahawasa-nya Baginda Sultan Hashim Jalilul Alam Akamadin . . . . Raja Negeri Brunei dan jajahan2-nya, ada-lah berkeinginan untok di-lindongi dengan sa-penoh-nya oleh Kerajaan British dan berkehendak bagi pertolongan Kerajaan itu mengenai pentadbiran hal-ehwal dalam negeri2 Baginda yang lebeh baik lagi, . . . . . . sekarang Baginda telah menyampaikan kapada Kerajaan British bahawa Perjanjian yang di-buat pada 17hb. September, 1888, ada-lah tidak memberikan Baginda perlindongan yang menchukopi" maka Sultan Brunei dan Kerajaan British telah membuat Perjanjian tambahan yang mana Baginda Sultan Brunei akan menerima sa-orang pegawai British, yang bergelar Resident. Resident ini akan menjadi Agen dan wakil Kerajaan British dan nasehat beliau mesti-lah di-perolehi dan di-patohi dalam semua perkara di-Brunei, melainkan perkara2 mengenai ugama Islam.

Mungkin dapat di-lihat bersama bahawa Perjanjian mengenai perlantekan sa-orang Resident British ini ada-lah juga lahir-nya daripada hasrat Kerajaan Brunei yang mahukan supaya sistem yang sama yang terdapat di-negeri2 Melayu yang lain di-bawah Perlindongan Great Britain juga dapat di-adakan dalam negeri Brunei.

### PERJANJIAN TAHUN 1959

Perjanjian 1906 ini pula telah di-ikuti lagi oleh satu Perjanjian yang di-perbuat pada 29hb. September, 1959. Perjanjian Brunei dengan Great Britain tahun 1959 ini juga ada-lah di-perbuat atas permintaan Baginda Sultan yang mana susunan2 baru mengenai perlindongan dan pertahanan Brunei akan ber-jalan kuat-kuasa.

Perjanjian Brunei 1959 memperuntokkan bahawa hal-ehwal luar negeri Brunei ada-lah terletak sa-penoh-nya kapada Kerajaan Baginda Queen. Begitu juga Kerajaan Baginda Queen mempunyai kuasa penoh mengenai pertahanan negeri kita.



**SAAT2 yang bersejarah di-istiadat menanda-tangani perjanjian Perlembagaan Negeri Brunei 1959 oleh Kebawah DYMM Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin bagi pehak Kerajaan Brunei dan Sir Robert Scott, bagi pehak Kerajaan Baginda Queen.**

Fasal 4 dalam Perjanjian ini mempersharatkan bahawa Baginda Sultan berkenan menerima sa-orang Pesurohjaya Tinggi British untok memberikan nasehat dalam semua perkara yang berkaitan dengan pemerintahan negeri, melainkan perkara2 yang bersangkut-paut dengan ugama Islam dan adat-resam Melayu dan Baginda berkenan menerima nasehat Pesurohjaya Tinggi itu.

Fasal 6 ada mempersharatkan bahawa Baginda Sultan akan di-hubongi sa-belum sa-seorang itu di-chadangkan untok di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Tinggi.

Perjanjian ini dalam Fasal 9 mempersharatkan bahawa Perjanjian tahun 1906 ada-lah di-batalkan.

### KERAJAAN SENDIRI SEPENOH-NYA

Perjanjian 1959 telah di-pinda pula oleh satu Perjanjian yang di-perbuat pada 23hb. Nobember, 1971 yang mana ada di-persharatkan bahawa "Negeri Brunei hendak-lah menikmati dengan sa-penoh-nya Kerajaan sendiri dalam negeri" walaupun "Baginda Queen hendak-lah sa-terus-nya bertanggong-jawab mengenai dengan hal-ehwal luar negeri Brunei dan. . . tertaalok kapada perundingan, maka persediaan untok pertahanan dan keselamatan negeri Brunei hendak-lah menjadi tugas yang akan di-beban bersama2 oleh Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Sultan".

Memandang kapada hal di-atas Fasal 4 Perjanjian 1959 telah di-pinda yang mana di-persharatkan bahawa Pesurohjaya Tinggi akan di-lantek oleh Baginda Queen dan Kerajaan Baginda Queen akan menchadangkan nama Pesurohiaya Tinggi kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan lantekan-nya hendak-lah tertaalok kapada persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Fasal 4 yang baru ini-lah yang paling utama dalam Perjanjian 1971 ini. Dengan pindaan 1971 ini Pesurohjaya Tinggi ada-lah tidak lagi di-persharatkan untok memberi nasehat atas segala perkara yang berkaitan dengan pemerentahan Negeri. Begitu juga kalau pada tahun 1959 ada di-persharatkan bahawa perkara lantekan Pesurohjaya Tinggi akan di-rundingkan dahulu dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan tetapi pada tahun 1971 lantekan sa-demikian ada-lah tertaalok kapada persetujuan Baginda.

Ada-lah dapat di-lihat bahawa Perjanjian 1971 ini telah mengiktiraf pemerentahan dalam negeri yang sa-penoh-nya bagi negeri Brunei. Ini ada-lah satu kenyataan. Kerajaan Baginda Queen tidak lagi champor tangan dalam pemerentahan hal-ehwal dalam negeri. Berbangkit daripada Perjanjian 1971 ini Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei tidak lagi menjadi ahli kerana jawatan dalam Majlis Mashuarat Mentri2 dan Majlis Mashuarat Diraja.

### PENASEHAT UMOM KEBAWAH DYMM

Perlu juga di-ingati bahawa pada tahun 1971-lah juga Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim di-lantek menjadi Penasehat Umom kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan kuasa yang meluas untok berjumpa atau menjumpai atau memanggil-nya atau menghubongi mana2 Ketua Jabatan atau pegawai Kerajaan dan bertanya atau menyiasat atau mendapat apa2 ma'alumat atau penjelasan termasok segala kertas atau persuratan dari mereka mengenai dengan apa jua perkara yang berkaitan dengan perlaksanaan pentadbiran serta keadaan dalam negeri Brunei; serta melawat dan memereksa mana2 pejabat atau tempat2 Kerajaan atau projek2 kemajuan Kerajaan

Lihat muka 3

# BWI sec. off to United Kingdom

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Honorary Secretary of the Brunei Women's Institute, Dayang Hajjah Shamsiah binte Abdul Latif, last Friday left for the United Kingdom to take up a course leading to a Bachelor's Degree in Social Science.

Dayang Hajjah Shamsiah who has been awarded a Government scholarship will pursue the three-year course in the City of Hull.

She is one of the most active and widely travelled members of the BWI and has been involved in plenty of social work through her association with the Institute.

Until her departure she worked with the Information Section of the State Secretariat as an Assistant Information Officer and before that, as an English Stenographer with the Municipal Department here.



HIS Highness the Sultan pouring scented water on the grave of DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja on the last day of the water sprinkling ceremony at the Royal Mausoleum.

# BRUNEI MOURNS ITS LOSS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The mourning for His Highness the Sultan's mother, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit is now in its second week with the usual religious functions being held in mosques, suraus and homes throughout the State.

The Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja passed away peacefully on Thursday September 13 at the age of fifty-five and was accorded the traditional burial befitting a royalty the following day.

The Royal Family along with thousands of people from all walks of life accompanied the funeral from the Omar Ali Saifuddin Mosque here where prayers were performed to the Royal Mausoleum at Mile 1½ Jalan Tutong.

The news of her death was greeted with shock and dismay not only in the State but overseas as well.

Messages of condolences poured in from abroad and among the latest of these were sent by Her Majesty Queen Elizabeth II and the Sultan of Selangor.

## Live firing a success

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Malay Regiment has described its first live firing of the Exocet surface-to-surface missile as a complete success.

The RBMR said in a release that the firing carried out by the KDB WASPADA of the First Flotilla on September 13 off the coast of Brunei achieved all the test objectives scoring a direct hit on a surface target vessel.

The area chosen for the trail lies about a hundred miles north of the coast of Brunei well beyond air and shipping lanes.

The release said further practise firing of the missile is expected to follow in due course.

## 25 more receive belts

JALAN MUARA. — Another group of twenty-five members of the Royal Brunei Police Force were awarded judo belts and certificates at a ceremony held last Saturday at the Police Training Centre here.

The twenty-five, all recruits who have been undergoing training at the centre received the belts and certificates from the their Commissioner, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, who is also the President of the Brunei State Amateur Judo and Karate Association.

The latest presentation has brought the total of judo belts which have been awarded to members of the Royal Brunei Police Force to more than two thousand including a considerable number of black and brown ones.

## Clean up for a good cause

BANDAR SERI BEGAWAN.—Some eighty young volunteers comprising members of the school cadets and new recruits of the State Fire Brigade last Friday cleared up the premises of the house of a blind man at Kampong Panchor Murai a few miles from here.

The voluntary work was organised jointly by the Welfare, Youth and Sports Department and the State Fire Brigade.

Present during the cleaning up was the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris.

## Two more drown

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two more children in Kampong Ayer have drowned after falling into the water unnoticed.

They were three-year old Julaihi bin Ibrahim of Kampong Peramu and four-year old Awang Ismail bin Abdul Rahman of Kampong Sungai Kedayan 'A'.

The two boys whose bodies were recovered a few hours later were believed to be playing when they accidentally fell into the water.

The police said there had been five similar accidents in the past three weeks and therefore reiterated their advices to people living in Kampong Ayer not to leave young children own their own.

## Students visit Mentiri

GADONG. — A group of twenty-three students from the Garden Club of the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers Training College here last Wednesday visited the Mentiri Agricultural Station in Jalan Muara.

Leading them in the visit which was part of a planned educational tour of places of interest was Awang Majid bin Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim.

They were met on arrival at the station by a lecturer at the station Awang Lois bin Mohammad Noor, who briefed them on the various aspects of farming activities there, and later showed them around the station.

## *Sportsmen in Sea Games*

BANDAR SERI BEGAWAN. — A seven-member contingent from the Brunei Sports Council are now in the Indonesian capital of Jakarta to take part in the tenth South East Asian Games.

The Games have been in progress since last week following the official opening by President Suharto.

The Brunei sportsmen led by Awang Abdul Razak bin Bongsu, one of the two officials accompanying the contingent, are scheduled to participate in the athletic and boxing events only.

They are expected to return home on October 2.



THE Brunei Sports Council contingent during their departure from the Brunei International Airport last week.

## Engineer in Geneva

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is being represented at the conference on World Administrative Radio Regulations at Geneva, Switzerland by one of its engineers.

Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Haji Abu Bakar who works with the Telecommunications Department left the State for Switzerland on Friday.

The ten-day conference sponsored by the International Telecommunications Union begins this week.



AWANG Lois briefing the interested trainee students the correct ways to grow vegetables at one of the nurseries at the Mentiri Agricultural Station.



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang menjiruskan ayeng asah-asahan di-Makam Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

# SEMOGA ROH ALMARHUMAH TERKUMPOL BERSAMA2 PARA SUHADA DAN SALEHIN







YANG Amat Mulia Pengiran2 Cheteria2, Pehin2, Ketua2 Jabatan Kerajaan dan orang ramai yang menyertai rombongan Diraja menghantar ayeng asah-asahan di-Makam Almarhumah.

## Negara maseh Berkabong

GAMBAR atas kelihatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah (kanan) sedang menjiruskan ayeng asah-asahan di-Makam bonda Yang Teramat Mulia, di-Istiadat menghantar ayeng asah-asahan.

Seluroh negara dan raayat maseh berkabong hari ini, masok hari yang ke-empat belas. Seluroh raayat berkabong sa-lama 30 hari sementara bagi Keluarga Diraja sa-lama 40 hari.





YANG Dimuliakan Pehin Datu Seri Mahraja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, sedang menjiruskan ayeng asah-asahan di-Makam Almarhumah.

## Membacha Tahlil di-Masjid OAS

GAMBAR kanan menunjokkan imam dan para jemaah yang telah menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, kelihatan 'Membacha Tahlil' sa-jurus satelah selesai menunaikan fardhu Maghrib.

Serentak dengan itu, masjid dan surau2 di-seluroh negeri di-arahkan supaya "Membacha Tahlil" bersama2 dengan para jemaah bagi Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja, ia-itu mulai dari 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979 hingga 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 22hb Oktober, 1979.



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 26HB SEPT.

…ANG
PEMBUKAAN
SUSUNAN RANCHANGAN
BACHAAN AL-KORAN
AZAN MAGHRIB
BACHAAN AL-KORAN
BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
…LAM
BACHAAN AL-KORAN
AZAN ISHA
FLAMBARDS — "Lady Bountiful"
Dalam musim bunga 1911 Christina mendapati diri-nya lebeh banyak menghabiskan masa-nya dengan William di-rumah Mr Dermot, tetapi ia mengambil berat tentang Dick yang tidak bekerja dan ibu-nya yang sakit kerana mereka berada dalam kemiskinan yang amat sangat.
WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
MAJALLAH BRUNEI
FEATURE — 'TRIPOLI'
SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 27HB SEPT.

…ANG
PEMBUKAAN
SUSUNAN RANCHANGAN
BACHAAN AL-KORAN
AZAN MAGHRIB
BACHAAN AL-KORAN
BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
…AM
BACHAAN AL-KORAN
AZAN ISHA
HIGH CHAPARRAL — "The Champion of the Western World"
Billy Blue Cannon meranchang untok mendapatkan wang bagi membeli sa-buah pelana perak yang mahal dengan bertinju melawan juara Western World.
WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
DOKUMENTARI : Animal World
TAYANGAN FILEM MELAYU
SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 28HB SEPT.

…NG
PEMBUKAAN
SUSUNAN RANCHANGAN
BACHAAN AL-KORAN
AZAN MAGHRIB
BACHAAN AL-KORAN
BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
…AM
BACHAAN AL-KORAN
AZAN ISHA
FEATURE — "The Mark of Zorro"
WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
FEATURE — "The Mark of Zorro" — sambongan
SWORD OF JUSTICE — "Girl on the Edge"
THRILLER — "In the Steps of a Dead Man"
SIARAN TAMAT.



CHERITA yang mengambil masa 90 minit di-lakunkan pada zaman yang silam di-California. Ini ada-lah kesah mengenai Don Diego Vega, sa-orang Caballero yang berpura2 menjadi sa-orang lelaki muda yang bodoh dan suka bersenang-lenang pada siang hari, tetapi pada sebelah malam pula, menonggng kuda sa-bagai Zorro, pahlawan bertopeng bagi orang2 miskin yang tertindas. Pelakun utama-nya ia-lah Frank Langella sa-bagai Zorro.

## SABTU — 29HB SEPT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 SUSUNAN RANCHANGAN
5.18 BACHAAN AL-KORAN
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 BACHAAN AL-KORAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM
7.10 BACHAAN AL-KORAN
7.33 AZAN ISHA
7.37 JULIE FARR M.D.
Salah sa-orang pesakit obstetrik mengidap penyakit yang membingongkan di-tambah pula penyakit darah bekunya dahulu dalam paru2 yang mana menurut pendapat Julie tidak memerlukan pembedahan. Ini bertentangan dengan pendapat sa-orang doktor lain yang menyatakan bahawa penyakit ini memerlukan pembedahan emergency.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 DOG AND CAT — "Brother Death"
Ramsey dan J Z keluar untok membongkar misteri dua pembunohan yang melibatkan sa-orang padri terkemuka, sa-orang juru-gambar dan teman wanita-nya yang merupakan sa-orang sahabat kapada J Z.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU — "I Walk The Line"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 30HB SEPT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN
5.16 SUSUNAN RANCHANGAN
5.18 BACHAAN AL-KORAN
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 BACHAAN AL-KORAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM
7.10 BACHAAN AL-KORAN
7.33 AZAN ISHA
7.37 THE INCREDIBLE HULK — "Married" Bahagian Pertama
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DRAMA : MARIE CURIE — Bahagian Ketiga
Kegagalan di-ikuti pula dengan kejayaan. Pierre Curie mendapati bahawa 'radioactivity' boleh merosakkan tisu2 binatang dan manusia.
9.35 THE NEXT STEP BEYOND
10.05 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 1HB OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 BACHAAN AL-KORAN
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 BACHAAN AL-KORAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM
7.10 BACHAAN AL-KORAN
7.31 AZAN ISHA
7.35 POLDARK
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS
9.55 BLACKSHEEP SQUADRON — "Hotshot"
Sa-orang juruterbang Tentera Perang Dunia Kedua yang berpura-pura menolong dengan berpakaian Boyington memperdaya beberapa orang dalam kumpolan Blacksheep, tetapi tidak pula bagi Pappy's Lambs.
10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 2HB OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN
5.46 SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 BACHAAN AL-KORAN
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 BACHAAN AL-KORAN
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
MALAM
7.10 BACHAAN AL-KORAN
7.31 AZAN ISHA
7.35 FEATURE : "LUCY GALLANT"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 FEATURE — "Lucy Gallant" — sambongan
915 ARENA SOKAN
9.55 DOKUMENTARI : Disappearing World "Rendille"
10.45 KOJAK — "Summer of '69" Bahagian Kedua
11.35 SIARAN TAMAT.



PELAKUN2 utama dalam "Tripoli" yang akan Awda ikuti pada malam ini jam 9.05.



# RANCHANGAN TVP MINGGU INI

RANCHANGAN kelapan belas siri "Let's Speak English" minggu ini mengajar murid2 bagaimana menggunakan perkataan2 "Which", "Mine" dan "Yours". Dalam ranchangan ini juga murid2 akan di-hiborkan dengan dua buah lagu. Berikut ia-lah senikata salah satu daripada lagu2 itu.

What are these dear little girl?
What are these dear little girl?
These are dolls dear Miss Jinab.
These are dolls dear Miss Jinab.
Which doll is yours dear little girl?
Which doll is yours dear little girl?
This doll is mine dear Miss Jinab.
This doll is mine dear Miss Jinab.
What are these dear little boy?
What are these dear little boy?
These are balls dear Miss Jinab.
These are balls dear Miss Jinab.
Which ball is yours dear little boy?
Which ball is yours dear little boy?
This ball is mine dear Miss Jinab.
This ball is mine dear Miss Jinab.
What are these dear children?
What are these dear children?
These are presents dear Miss Jinab,
These are presents dear Miss Jinab,
These are presents dear Miss Jinab,
For you.

Siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" ranchangan kelapan belas bertajok "Udara 2". Ranchangan ini ada-lah lanjutan dari siri ranchangan "Udara 1". Ranchangan ini mengajar dan menerangkan mengenai :

a) Bumi di-seliputi oleh udarakasa.
b) Udara mempunyai berat.
c) Tekanan udara.
d) Paru-paru dan pernafasan.
e) Udara boleh di-mampatkan.

Tahu-kah murid2 bagaimana udara masok ka-dalam paru2? Untok mengetahui-nya, sila-lah ikuti siaran ranchangan ini sa-terus-nya.




**Kad tidak jatoh kerana tekanan udara**

Kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 1hb Oktober, 1979. Siri "Let's Speak English" akan dapat di-ikuti pada pukol 8.50 pagi dan siri "Sains Dan Hidupan Di-Brunei" pada pukol 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 2hb, 3hb dan 4hb Oktober, 1979 pada waktu yang sama.



# Lucy Gallant—Selasa: 7.35 malam

JANE Wyman (Lucy Gallant) dan Charlton Heston (Casey Cole) memainkan peranan yang penting dalam filem terbitan pertengahan tahun2 lima-pulohan ini. Casey jatoh chinta dengan Lucy Gallant yang chantek. Lucy tidak berhasrat untok berchinta kerana baharu sahaja mengalami hubongan chinta yang mendukakan hati-nya.

Kesah ini yang di-lakunkan di-bandar minyak Texas, New City, orang2 bandar mula menjadi kaya dan isteri2 mereka tidak dapat membeli apa2 walaupun mereka memileki wang. Mereka merasa irihati dan kagum melihat pakaian2 Lucy yang kemas. Lucy berchadang untok menjual-nya. Mereka pula sanggup membeli dengan harga yang mahal dari pakaian2 yang di-impot hingga-lah ka-pakaian pengantin yang belum di-pakai-nya. Ia sunggoh berjaya hinggakan ia membuat perjanjian dengan Charley Madden, pengurus bank bandar itu untok membeli sa-buah bangunan yang di-mileki oleh Lady MacBeth, tuanpunya dewan menari tempatan, di-mana ia membuka satu2-nya kedai untok wanita di-New City.

Kesemua orang di-bandar itu, termasok Bassermans, menggusahakan kedai Lucy termasok Lady MacBeth. Kedai itu pun maju dan Basserman berusaha bersunggoh2 untok menemukan Casey dan Lucy. Tetapi fikiran Lucy tertumpu pada kedai-nya sahaja walaupun pada akhir-nya Lucy berchadang untok menyerah kalah dan menjadi Mrs Casey Cole!

**JAYNE Wyman dan Charlton Heston dalam "Lucy Gallant".**

# The General Paper Series

EXAMINATIONS are fast approaching and in order to help the "A" Level students with their revision, the English service of Radio Television Brunei is at the moment broadcasting again last year's series of the General paper programmes.

Last year we have fourteen programmes in all but this year we manage to have six extra programmes — a continuation of last year's series.

The first programme appropriately titled "The General Paper" was broadcast on Friday the 23rd September, at 11.30 am and the repeat is on the same day in the evening at 8.00 pm.

The second programme called "The Scientist and Social responsibility" was broadcast on Sunday 28th September, 79 at 11.00 and repeated on the same day in the evening at 8.00 pm. You can hear programme No. 3 called Man and Machine on Sunday 30th September, 1979 at 11.30 am to be repeated on Monday 1st October, 1979 at 8.00 o'clock.

# "I Walk The Line" tayangan gambar malam minggu

SHERIFF (Gregory Peck) terperangkap dalam perkahwinan tanpa perchintaan. Apabila ia bertemu dengan anak gadis sa-orang penyeludup, ia terus tertarek hati. Chinta-nya yang amat sangat terhadap gadis ini mengganggu tugas2 profeshenal-nya hingga merosakkan kerjaya dan perkahwinan-nya.

Johnny Cash mendendangkan tujoh buah lagu yang di-gubah-nya khusus untok filem ini, senikatanya mengikut gerak geri lakunan dalam filem ini.

## Derma utk Tabong Orang2 Buta



BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang peniaga China Awang Lau Gim Kok dari Hua Ho Agriculture telah mendermakan sa-keping chek bernilai $1,000 untok Tabong Orang2 Buta (gambar kanan).

Chek tersebut telah di-terima oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain di-satu majlis Sambutan Hari Raya bagi orang2 buta yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia di-ibu negeri baru2 ini.

Di-majlis itu Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan juga telah menerima sa-keping chek bernilai $2,000 dari Kesatuan Kejuruteraan Dewan Perniagaan China Kuala Belait dan Seria untok Tabong Badan Kebajikan Kebangsaan.

# LAGI PEGAWAI UGAMA BERKURSUS



Awang Haji Abd Hamid



Awang Haji Mahalle

BANDAR SERI BEGAWAN — Tiga orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah bertolak meninggalkan negeri ini semalam untok mengikuti kursus di-Universiti Birmingham, United Kingdom.

Awg. Haji Abdul Hamid bin Mohd. Daud, Penolong Penguasa Pelajaran Ugama dan Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Nazir Kanan Sekolah2 Ugama akan mengikuti kursus Pentadbiran Pelajaran dan Latehan Perguruan sa-lama lebeh kurang tiga bulan.

Sementara Awang Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, Pegawai Ugama akan mengikuti kursus Sarjana Muda Falsafah Pendidekan (Bach. Phil of Edu) sa-lama 15 bulan. Awang Mohd. Amin di-jangka bertolak pada 1hb. Oktober ini.

Pemergian mereka menjalani kursus berkenaan ada-lah di-bawah sekim Latehan Dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Terdahulu dari itu telah meninggalkan negeri ini bagi mengikuti kursus Fatwa di-Pejabat Mufti Republik Arab Mesir pada hari Ahad, 16hb. September lepas ia-lah Awang Haji Abdul Aziz Juned, Pegawai Ugama Kanan. Beliau mengikuti kursus berkenaan juga di-bawah Latehan Dalam Perkhidmatan untok sa-lama kira2 sa-tahun.

Dan pada 6hb. September yang lalu juga Awang Haji Zainal bin Abdul Kahar, Guru Ugama Terlateh Tingkatan Khas yang di-lantek menjadi Guru Ugama di-Rumah Brunei di-London telah meninggalkan negeri bersama keluarga beliau. Awang Haji Zainal akan bertugas sa-lama dua tahun di-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 20hb September, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. LADA KERING — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu, Bandar Seri Begawan.
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 107, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.
   c) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
   d) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur. Bandar Seri Begawan.
   e) Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier. Bandar Seri Begawan.

**KUALA BELAIT :**

1. LADA KERING — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Foh Soon, No. 60-A, Jalan Pretty, Kuala Belait.
   b) Ng Ming Hong, No. 101, Jalan McKerron, Kuala Belait.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty, Kuala Belait.
   b) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty. Kuala Belait.
   c) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty, Kuala Belait.
   d) Sia Heng Hong, No. 31-B, Jalan Sungai, Kuala Belait.
   e) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty, Kuala Belait.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty, Kuala Belait.
   b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty, Kuala Belait.
   c) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China, Kuala Belait.

**SERIA**

1. LADA KERING — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   a) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning, Seria.
2. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh beli dari kedai berikut :—
   a) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga, Seria.
3. SAGO HALUS — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
   b) Hj C.A. Mohammed, No. 51, Jalan Bunga Kuning, Seria.
   c) Chop Siong Yick, No. 54, Jalan Bunga Kuning, Seria.

# PERKASA anjor perlawanan bolasepak kali kedua

BANDAR SERI BEGAWAN — Pasokan2 bolasepak yang terdiri dari pendudok2 kampong ayer dari kawasan Kampong Burong Pingai Ayer hingga ka-Kampong Setia ada-lah di-jemput untok menyertai perlawanan bolasepak kali kedua anjoran Persatuan Kampong Saba (PERKASA).

Perlawanan tersebut yang di-jalankan sa-chara kalahmati membukakan penyertaan bagi sa-tiap pasokan untok menghantar 13 orang pemain termasok dua orang pemain simpanan.

Bagaimana pun pasokan2 yang telah di-gantongkan permainan mereka oleh Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA) atau oleh pehak penganjor pada tahun 1978/79 ada-lah di-tolak penyertaan mereka, demikian juga bagi pemain2 Liga Bolasepak Perkasa yang ingin menyertai perlawanan ini hendak-lah di-pechahkan kapada chawangan kampong2.

Semua penyertaan hendak-lah di-isikan dalam borang dengan bayaran masok sa-banyak $30.00 sa-pasokan dan hendak-lah di-kembalikan kapada pehak penganjor tidak lewat pada 1hb. Oktober 1979.

Borang2 penyertaan boleh di-hantar kapada Awg Ali Osman bin Salleh di-Kampong Sungai Kebun; Mohd Zain bin Jaafar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei; Awg Ismail bin Haji Zainal di-Jabatan Bandaran BSB; Awg Hussin bin Serudin di-Jabatan Letrik; Awg Shahran bin Penglima Raja Hj Mohiddin di-Penerbangan Diraja Brunei dan Awg Ya'akub bin Hj Chuchu di-Pejabat Kewangan.

Kenderaan bagi peserta tidak akan di-sediakan oleh penganjor dan pemain2 di-ingatkan supaya hadhir ka-tempat permainan 15 minit sa-belum perlawanan di-mulakan.



AWANG Haji Zainal (kanan) bergambar bersama keluarga sa-belum berlepas menuju London dari Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 29hb Sept. hingga 2hb Okt. 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| ...lah Melayu Birau | *29.9.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| ...lah Melayu Kiudang | *29.9.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ” |
| ...lah Melayu Lamunin | *29.9.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ” |
| ...lah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 1.10.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 | ” |
| ...dapan Kedai, Kampong Perpindahan | 1.10.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 | ” |
| ...lah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 2.10.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| ...lah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 2.10.1979 | Selasa | 10.30–11.30 | ” |

## MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

# SEMANGAT LARSEN

OLEH: STEWART WAVELL

Siri 45

TERDAPAT banyak lagi pembukaan tetapi pilehan saya yang akhir ada-lah Serangan Nimzowitsch-Larsen. Pembukaan ini melambangkan kegelisahan pencharian Larsen untok memperkenalkan idea2 baru ka-dalam pembukaan2. Larsen ada-lah keturunan tulen orang2 Viking - sa-orang pengembara dan penjelajah. Sa-berapa chepat yang boleh, keluarkan lawan awda dari apa yang di-pelajari-nya dalam buku. Kagetkan ia. Suroh ia berfikir! Itu-lah semangat Larsen. Dan untok menchapai-nya memerlukan sa-orang pemain yang penoh dengan tenaga dan keinginan untok tahu. Larsen telah melakukan perchubaan dengan semua pembukaan yang tidak lazim di-mainkan. Sikap pembaharuan ini mempunyai kebaikan2 yang praktikal. Ia berma'ana awda telah menghabiskan berjam-jam masa di-rumah mempelajari satu pembukaan baru dengan segala selok-belok-nya. Apabila awda menggunakan-nya terhadap lawan, lawan awda itu terpaksa memikirkan-nya di-hadapan papan-chator, yang berma'ana ia terpaksa menggunakan banyak masa yang di-untokkan kapada-nya. Apabila awda sudah banyak mengambil bahagian dalam perlawanan, awda akan menyedari yang awda dapat menjadikan masa sa-bagai sa-kutu awda. Selalu-nya awda dapat merebut kemenangan dengan menimbulkan pelbagai kesulitan yang memaksa lawan awda menggunakan semua masa-nya yang berharga itu. Dengan mempelajari pelbagai Variasi Serangan Nimzowitsch-Larsen, awda akan memileki senjata yang saperti itu. Di-Brunei tidak ramai orang tahu akan pembukaan ini. Mereka selalu-nya bingong mengenai-nya: kadang-kadang mereka terperanjat. Variasai itu ada-lah saperti berikut:

1. B-b3, B-e5; 2. G-b2, K-c6. Matalamat Puteh ada-lah jelas — untok lekas menguasai pepenjuru panjang a1-h8, termasok-lah dua petak Hitam dibahagian tengah ia-itu d4 dan e5, dan menyerang Bidak Hitam pada petak e5. Dengan menggerakkan Kuda-nya kapetak c6, kemudian B-d5, Hitam bertujuan untok merebut bahagian tengah daripada pembukaan Puteh yang perlahan itu. Daripada pelbagai pertahanan yang mungkin di-lakukan, ini-lah satu-satu-nya yang mengajukan tanda-tanya paling hebat kapada Puteh. Tentu-nya Puteh mempunyai chara berjuang untok menguasai bahagian tengah dan ia dapat menimbulkan pelbagai masaalah untok di-selesaikan oleh Hitam. Sekarang ini-lah Variasi Larsen. 3. B-c4! Gerak Bidak ini berusaha untok melambatkan atau menghalang gerak B-d5 Hitam. 3..... K-f6; 4. B-e3! Gerak Puteh ini ada-lah di-sukai oleh Larsen dan Fisher. Saya pernah menyaksikan Larsen menggunakan-nya di-Hastings, dengan membawa keluar Gajah Raja untok mengenakan pasak kapada Kuda Menteri Hitam, mengumpan Bidak Hitam bergerak ka-petak a6, kemudian mengorbankan Gajah untok makan Kuda. Matalamat-nya ada-lah untok berkubu di-sabelah bahagian Menteri di-mana Bidak-nya pada petak b3 bertugas sa-bagai kubu terhadap Tihir yang mengawal lorong 'b' yang terbuka, dan kemudian Bidak2-nya yang di-sabelah bahagian Raja menyerang habis-habisan kedudokan Hitam yang berkubu itu. Ia paling berkesan jika berjaya, tetapi Hitam, jika ia bijak akan berjuang dengan hebat-nya untok menguasai bahagian tengah itu, mengusir Kuda Menteri Puteh ka-petak a4 di-mana ia nampak-nya selamat, dan kemudian menyingkirkan Kuda Puteh dengan Gajah, dengan yang demikian membuka lorong 'b' dan mendedahkan Raja Puteh kapada serangan hebat Tihir Hitam.

Kita teruskan pertahanan Klasik pembukaan ini. 4. ..., B-d5!; 5. BxB, KxB; 6. B-a3! Petak b4 mesti-lah di-kawal. Sekarang Hitam terpaksa memileh antara e7 dengan d6 untok Gajah Raja-nya. d6 ada-lah lebeh baik.

Sa-belum kita teruskan, ada baik-nya kita perhatikan variasi lain Pertahan Klasik terhadap pembukaan Larsen ini di-mana Puteh bermain B-e3 pada gerak ke-3. Awda hendak-lah memutuskan sendiri samada ia sabenar-nya lebeh baik daripada B-c4. Kita ikuti sa-terus-nya **1. B-b3, B-e5; 2. G-b2, K-c6; 3. B-e3!, B-d5.** Sekarang **4.G-b5, 5. B-c4, BxB.** Patut-kah Puteh makan dengan Bidak 'b' atau Gajah? Atau patut-kah ia meneruskan perkembangan Kuda Raja-nya dengan K-f3 untok persediaan berkubu di-sabelah bahagian Raja? Saya kemukakan soalan2 ini kapada awda kerana ini-lah chara-nya awda patut berfikir mengenai mana-mana pembukaan. Jangan mempelajari sa-suatu pembukaan dengan menghafal dan berharap yang lawan awda akan melakukan gerak2 yang betul saperti yang terdapat dalam buku. Dia tidak akan berbuat begitu. Dia mungkin melakukan gerak2 yang lemah daripada yang di-berikan dalam buku: dalam hal saperti itu, awda mesti-lah bersedia untok menerkam ka-atas kelemahan, walau yang kechil sa-kali pun, dan memalingkan kedudokan itu untok kepentingan awda.

Mithal-nya, apa yang akan terjadi sa-kira-nya gerak Puteh 6. K-f3 itu di-balas oleh Hitam dengan makan Bidak 6...., BxB Kemudian barangkali 7. MxB? M-g5; 8. KxK, MxB(g2); 9. K-e5 asah, B-c6; 10. M-f3. Bagaimana?

Satu chara biasa untok membalas fianchetto Puteh terhadap Gajah Menteri ada-lah menggunakan kebalekan Nimzo-Indian di-mana Hitam bermain ..., d5 dan ..., c5. Kita perhatikan permainan antara Nimzowitsch dengan Johner, Bern, 1931. **1. K-f3, B-d5; 2. B-b3, B-c5; 3. B-e3, K-c6; 4. G-b2.** Di-sini Hitam melakukan gerak ..., **G-g4(?)** yang di-ragukan. **5. G-b5, K-f6; 6. GxK asah, BxG; 7. B-h3, GxK; 8. MxG, M-c7; 9. B-d3, B-e6; 10. K-c3, G-d6.** Renongkan sa-jenak dan pertimbangkan siapakah yang mempunyai pembukaan yang terbaik? Hitam mesti berkubu di-sabelah bahagian Raja dan Gajah Puteh sudah bersedia-sedia untok melakukan serangan di-sabelah bahagian Raja. Puteh dapat berkubu samada di-sabelah bahagian Raja atau di-sabelah bahagian Menteri. Saya kira kelebehan ada-lah pada Puteh. **11. K-a4, G-e5; 12.GxG, MxG; 13. O-O, K-d7; 14. M-e2, O-O; 15. M-d2, B-f5; 16. M-a5, T(f)-b8; 17. KxB!!, T-b5; 18.KxK, MxT; 19. M-c7, M-c3; 20. B-a4, T-b4; 21. K-e5, T-f8; 22. KxB, R-h8; 23. M-d6!** Tegas.

Terdapat banyak lagi pembukaan. Ada-lah berfaedah melakukan perchubaan dengan Benko Gamit di-mana Puteh mengorbankan satu Tihir dan kedua-dua Bidak Kuda-nya yang di-sebelah bahagian Menteri, menfianchetto Gajah Raja-nya, dan membawa kedua-dua Tihir dan Menteri-nya ka-sabelah bahagian Menteri untok melancharkan satu serangan di-sebelah bahagian Menteri. Pembukaan ini mempunyai nilai untok memeranjatkan dan memerangkap pemain2 yang tidak mengetahui-nya.

Awda patut melakukan perchubaan dengan Pembukaan Reti di-mana ia menafianchetto kedua-dua Gajah. Chuba juga Pembukaan Belanda tua di-mana Puteh berkubu di-sebelah bahagian Raja selepas memainkan B-f4, kemudian membawa Menteri-nya ka-petak g3 atau h4 untok satu serangan hebat di-sebelah bahagian Raja. Chuba juga Evans Gambit, Scotch, Queen's Indian Serangan Polish untok hiboran, dan Queen's Gambit yang popular pada zaman Alekhine. Chuba-lah semua itu tetapi tumpukan mempelajari dua pembukaan yang baik untok Puteh dan dua lagi untok Hitam. Pastikan yang awda betul-betul mahir mengenai-nya dalam banyak variasi. Sa-lepas itu awda pasti akan bermain dengan begitu baik di-Pusat Belia atau di-mana-mana sahaja awda bermain chator di-Brunei.

Minggu depan saya akan memulakan mengenai permainhujong (end-game) dan pelbagai masa'alah2-nya yang luas itu.



KELIHATAN rombongan bergambar bersama Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Agong Majlis Sokan Brunei sejurus sebelum mereka bertolak.

## ROMBONGAN BRUNEI DI-SOKAN SEA KA-SEPULOH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang terdiri daripada tujoh orang ahli2 sokan dari Majlis Sokan Negeri Brunei telah bertolak ka-Singapura pada hari Selasa minggu lalu dalam perjalanan mereka menuju Jakarta, Indonesia.

Sekarang mereka sedang mengambil bahagian dalam achara Sokan SEA yang ke-sepuloh yang sedang berlangsong di-negeri itu dan akan berakhir pada 30hb ini.

Rombongan yang di-iringi oleh dua orang pegawai yang di-ketuai oleh Che'gu Razak bin Bungsu itu hanya mengambil bahagian achara olahraga dan tinju.

Ini ada-lah merupakan kali kedua Majlis Sokan Brunei menghantar rombongan-nya ka-sokan tersebut. Kali pertama Majlis telah menghantar rombongan-nya pada tahun 1978 bilamana sokan tersebut di-adakan di-Kuala Lumpur , Malaysia Barat.

Turut menguchapkan selamat belayar kapada rombongan sebelum mereka bertolak minggu lalu ia-lah Naib Yang Dipertua Majlis Sokan Brunei, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Adat Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dan Setiausaha Agong Majlis tersebut, Pengiran Idris bin Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad.

Rombongan tersebut di-jangka kembali ka-tanah ayer pada 2hb depan.

## Penyampaian hadiah di-tanggohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi penghormatan atas kemangkatan Almarhumah DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja, penyampaian hadiah2 chator yang di-jadualkan akan di-adakan pada 29hb ini ada-lah di-tanggohkan.

Tarikh upachara penyampaian tersebut akan di-beritahu kemudian.

BELIA DAN SOKAN

## BOLA KERANJANG SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan United National Finance telah munchul menjadi johan perlawanan bola keranjang yang telah di-langsongkan bulan lalu.

Perlawanan bagi kejohanan seluroh negeri itu ada-lah atas anjuran Persatuan Bola Keranjang Brunei sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Ia-nya telah di-adakan bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa di-sini.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Pasokan Suzuki Motor Boat, ketiga Pasokan Sun Brand Coffee manakala tempat ke-empat pula ia-lah Pasokan B.T.C.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pehin Temanggong Dato Lim Ching Choo.



Gambar kiri kelihatan Dato Lim Ching Choo menyampaikan piala kemenangan kapada ketua pasokan yang menjadi Johan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Pegawai Pusat Pemelihara Ternakan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Pegawai Pusat Pemeliharaan Ternakan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 berumor 30-34 tahun hendak-lah mempunyai ijazah atau diploma lanjutan dalam bidang sains haiwan dan pertanian dan sekurang2-nya 7 tahun pengalaman dalam pengalaman dan perguruan binatang2 ternakan tropika. Mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan dalam bidang pendidekan pertanian merupakan satu kelebehan.

Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab, di-bawah arahan Pengetua Pusat Latehan Pertanian Sinaut, bagi memajukan satu ranchangan pengajaran khas binatang2 ternakan di-perengkat sijil serta mengajar dan menilai kerja2 di-bilek darjah dan kerja2 praktikal di-luar dalam semua aspek pengeluaran dan pengurusan binatang ternakan. Ia juga di-kehendaki membantu dalam mengajar serta menilai aspek2 latehan di-bidang ternakan yang di-beri oleh Pusat Latehan ini kapada bakal petani2 muda dan juga kaki-tangan2 Jabatan yang menjalani latehan2 ulang-kaji sa-chara latehan dalam perkhidmatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B2 EB3 —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / EB / 2792 - 2869 - 2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Oktober, 1979.

(E/735/79 — Bil: 140/1979)

## P.W.D. TENDER NOTICES

### No. 153 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd October, 1979 for:—

REPAIR AND REDECORATION OF BULDINGS AT POLICE COMPLEX BANGAR TEMBURONG

Tenders documents and all particular may be seen at the Office of P.W.D, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 154 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd October, 1979 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE JALAN KECHIL MUNGOM, OFF MILE 25 JALAN LAMUNIN, TUTONG DISTRICT.

Tenders documents and all particular may be seen at the Office of P.W.D, Bandar Seri

### No. 155 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd October, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF PHASE II 9 BLOCKS CLASS "F" JUNIOR FLATS AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tenders documents and all particular may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 156/1979

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th October, 1979 for:—

REPAIR WORKS AT MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tenders documents and all particular may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## NOTIS TAWARAN
## JABATAN LEMBAGA BANDARAN
## KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan bagi Pajakan Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait untok tahun 1980.

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Isnin, 29hb Oktober, 1979. Tawaran2 yang di-terima sesudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat biasa yang bertutop. Maka di-muka surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penoh saperti di-terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PAJAKAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN, KUALA BELAIT". Tawaran yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Tawaran2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki mengadakan makanan2 bagi orang2 yang bukan berugama Islam sa-lain daripada makanan2 untok orang2 Melayu.

7. Sa-belum-nya menghantar tawaran2, Penawar2 ada-lah di-nasehatkan supaya melihat surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan menjaga Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait, di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

8. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 44(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Contractors, Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday, 16th October, 1979 for the following :—

SUPPLY & INSTALLATION
OF
AIRFIELD LIGHTING EQUIPMENT
AT
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF AIRFIELD LIGHTING EQUIPMENT AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

Tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### No. 45(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th October, 1979 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION
FOR
THREE STOREY CLASSROOM
FOR STPRI
AT
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALTION FOR THREE STOREY CLASSROOM FOR STPRI AT BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### No 46(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th October, 1979 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION
FOR
BACTERIOLOGY LAB.,
BIOCHEMISTRY LAB.
AND
AUTOMATED LAB.
FOR
EXISTING GENARAL HOSPITAL
AT
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR BACTERIOLOGY LAB., BIOCHEMISTRY LAB., AND AUTOMATED LAB., FOR EXISTING GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### No. 47(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th October, 1979 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION
FOR
NEW STORE BUILDING
AT
MUARA PORT
MUARA.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW STORE BUILDING AT MUARA PORT, MUARA".

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### No. 48 (AC) 1979

1. Tenders will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B, & C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 2nd October, 1979 for the:—

X-RAY DEPARTMENT, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation X-Ray Department, Suri Seri Begawan, Hospital, Kuala Belait'.
4. The form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit of $100.00 shall be in the from of cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### No. 49(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th October, 1979 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION
FOR
RICE PROJECT
AT
LIMAU MANIS

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR RICE PROJECT AT LIMAU MANIS"

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### No. 50(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' & 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 16th October, 1979 for :—

ELECTRICAL
INSTALLATION FOR
6 BLOCKS CLASS 'B' FLATS
AT
KAMPONG ANGGEREK
DESA, BERAKAS

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 6 BLOCKS CLASS 'B' FLATS AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BERAKAS"

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### No. 52(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' & 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 16th October, 1979 for :—

ELECTRICAL
INSTALLATION FOR
5 BLOCKS 2 UNITS CLASS
'G' QUARTERS AT
ROYAL BRUNEI MALAY
REGIMENT CAMP,
TUTONG

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 5 BLOCKS 2 UNITS CLASS 'G' QUARTERS AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP, TUTONG"

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## Sa-bagai Pembantu Pertanian Rendah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Pertanian Rendah di-Jabatan Pertanian, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengan-nya, atau pun mempunyai Sijil Pertanian daripada yayasan pertanian yang di-iktiraf. Mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Nobember, 1979.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei. up to 12 noon, on Tuesday, 6th. November, 1979 for the supply and installation of:

a) 12 units aluminium mail sorting fittings with 48 holes each.

b) 28 units aluminium Post preparation fittings with 28 pigeon holes each.

2. Full information and specifications of these items can be obtained from the General Post Office during office hours.
3. These items are required in March 1980.
4. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and must be clearly marked :

"Tender for Post Office sorting fittings".

5. Tenders received after the time and date specified above will not be considered.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender. Begawan, Brunei.

## NOTIS TAWARAN
## JABATAN LEMBAGA BANDARAN
## KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sa-banyak 274 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Januari hingga Jun, 1980).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Isnin, 29hb Oktober, 1979. Tawaran2 yang di-terima sesudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat biasa yang bertutop. Maka di-muka surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penoh saperti di-terangkan di-fasal 2).

Lembaga Tawaran (alamat pe-

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI-KAWASAN2 LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis, dapat di-lihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait, untok melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

# PEKERJAAN SUKARELA BUKAN UNTOK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menekankan bahawa sa-orang pekerja sukarela tidak sa-mesti-nya mementingkan diri sendiri sa-mata2 sahaja ia-itu samada untok wang, benda, nama atau kedudokan.

Kata-nya, jika ini berlaku maka orang saperti itu patut-lah di-pimpin, di-betulkan serta di-berikan panduan ka-arah jalan yang benar.

Kerana pekerja2 sosial yang tulin, tambah Yang Berhormat itu lagi ada-lah mereka yang tidak memikirkan untong rugi malah mereka berasa lebeh puas dan bahagia jika mereka dapat berkhidmat kapada masharakat dan negara.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Kursus Latehan Kerja Sosial dan Pembangunan Masharakat yang di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Sabtu lalu bagi pehak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Awg Haji Hussain seterus-nya menekankan bahawa pada masa ini kita memerlukan sukarelawan2 yang berkerja tanpa gaji, yang mempunyai minat kerja2 itu sa-mata2 kerana Allah dengan berkhidmat kapada orang2 yang benar2 memerlukan pertolongan dan bantuan.

"Perkara ini harus-lah kita sedari dari sekarang dan perlu di-tanamkan kapada jenerasi2 muda kerana kita akan menghadapi chabaran2 yang lebeh besar di-masa2 yang akan datang", tegas Yang Berhormat.

Kata-nya, kita semua terutama sekali belia2, perlu belajar bukan sahaja untok berdikari tetapi juga untok menyumbangkan sa-suatu yang berhasil dan membina untok negeri Brunei.

Dengan itu nanti, tambah Yang Berhormat lagi, dapat-lah kita membuat ranchangan yang berkesan dan boleh di-salorkan kapada masharakat yang melebehi dari apa yang di-chapai pada masa ini.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain menjelaskan bahawa kursus itu ada-lah bertujuan untok memberikan gambaran yang jelas kapada peserta2 yang berkhidmat dengan pentadbiran kerajaan, pertubohan2 sukarela dan persatuan2 belia di-negeri ini agar akan dapat menjalankan tugas2 mereka dengan chekap serta mengetahui dasar dan kaedah pekerjaan masing2.

Di-samping memberikan sharahan2, tambah Yang Berhormat, kursus itu juga membukakan perbinchangan kapada peserta2 sa-chara perkumpolan dan yang akan di-akhiri dengan satu seminar yang bertajok "Karah Perlaksanaan Kerja dan Perkhidmatan yang lebeh baik; Kemajuan dan Kema'amoran Negeri Brunei".

Yang Berhormat Pehin seterus-nya mengingatkan sa-tiap pekerja sukarela hendak-lah mempunyai keyakinan dan keperchayaan dalam kerja masing2 demi meninggikan mutu pekerjaan kebajikan di-negeri ini.

Sa-lain daripada itu kata Yang Berhormat itu lagi, disiplin yang baik, bertolak ansor dan tahan lasak dalam menghadapi masaalah yang akan dapat menolong dalam menjalankan tugas2 yang berkebajikan sa-umpama itu.

Yang Berhormat Dato Setia Awang Haji Hussain penoh berharap supaya mereka tidak akan menjadi pak turut malahan mereka harus-lah membuat pembaharuan dan membantu untok memberikan perkhidmatan yang di-perlukan bukan sahaja untok menghadapi chabaran pada masa ini malahan bagi meranchang perkhidmatan yang tegoh dan sempurna di-masa2 akan datang.

Kursus dan seminar yang di-adakan sa-lama sa-bulan itu di-kelolakan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dengan kerjasama Peranchangan Pembangunan Bangsa2 Bersatu (UNDP).

Kursus tersebut telah di-hadhiri oleh kira2 sa-ramai 60 orang peserta yang terdiri dari ketua2 jabatan, pegawai2 kanan kerajaan, pemimpin persatuan2 belia dan pertubohan2 sukarela dan di-kendalikan oleh Dr. Puan A.C. Almanzor, Penasehat Sa-rantau UNDP.



SA-BAHAGIAN dari peserta yang menghadhiri kursus dan seminar tersebut.

# Tindakan ka-atas kereta yang di-ubahsuai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak berkuasa Pulis dan Pegawai2 Melisen di-Jabatan Kenderaan Darat Brunei, sedang mengambil tindakan ka-atas pemilek dan pemandu kereta2 yang telah mengubahsuai kereta mereka tanpa kebenaran dari pehak berkuasa, berikutan dengan amaran Pemangku Pengawal Kenderaan Darat baru2 ini.

Pemangku Pengawal Kenderaan Darat, Awang Omar bin Haji Serudin dalam kenyataan-nya baru2 ini menegaskan bahawa pada ketika ini maseh terdapat pemilek2 kereta yang telah mengubahsuai kereta2 mereka tanpa kebenaran terlebeh dahulu dari pehak berkuasa Pengawal Kenderaan Darat, ini termasok memasang tayar sport, chermin gelap dan lain2.

Kata-nya, perangkaan2 menunjokkan sa-bilangan besar kereta2 yang terlibat di-dalam kemalangan itu mempunyai ubahsuai yang mengikut 'fancy' pemileknya tanpa menghiraukan keselamatan-nya untok di-pandu.

Mengharapkan agar berkurang-nya kemalangan di-jalan raya dan demi keselamatan pengguna jalan raya dan pemandu, Awg Omar meminta kerjasama pemilek2 kereta supaya tidak akan mengubahsuai kereta2 mereka tanpa mendapat kebenaran terlebeh dahulu. Mana2 kereta yang telah di-ubahsuai tanpa kebenaran ada-lah di-nasehatkan supaya memaklumkan-nya kapada pehak berkuasa atau mengubah-nya kapada yang asal sa-belum tindakan di-ambil ka-atas kereta mereka.



GAMBAR menunjokkan salah sa-buah kereta yang di-ubahsuai telah di-pereksa oleh sa-orang Merinyu di-Kenderaan Darat.

# Rompakan bersenjata yg pertama di-Brunei di-tumpaskan

BANDAR SERI BEGAWAN — Kurang dalam tempoh 24 jam kejadian rompak bersenjata yang di-sifatkan sa-bagai yang pertama berlaku di-negeri ini, pehak Pulis Diraja Brunei telah berjaya menamatkan rompakan bersenjata tersebut dengan tertangkap-nya perompak kedua pada kira2 jam 8.00 pagi hari Ahad, 23hb. September.

Tan Tho Leng yang berasal dari Miri, Sarawak telah di-berkas sa-telah berjaya melepaskan diri dari buruan pulis di-sa-buah rumah kosong di-Kampong Sungai Belukut, Daerah Brunei Muara.

Satu laporan dari Ibu Pejabat Pulis Diraja di-Gadong memberitahu bahawa satu panggilan talipon telah di-terima pada pagi Ahad lalu dari sa-orang pendudok kampong Sungai Belukut yang melaporkan bahawa lelaki yang di-kehendaki itu di-lihat berada dalam sa-buah rumah kosong di-kampong berkenaan.

Sementara itu sa-orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang berada di-sana telah menangkap lelaki berkenaan dengan bantuan sa-orang pulis lalu-lintas yang baru sampai ka-tempat itu.

Tan Tho Leng bersama sa-orang yang lain di-laporkan telah memasoki Overseas Union Bank di-Jalan Roberts di-sini pada hari Sabtu, 22hb. September jam 10.30 pagi dengan memakai topi keledar yang di-lindongi chermin telah menyerbu bank berkenaan dengan memegang pistol.

Dalam kejadian itu salah sa-orang dari-nya telah melompat ka-arah meja pembayaran manakala yang sa-orang lagi mengambil wang yang berada dalam lachi dan memasokkan ka-dalam beg yang mereka bawa.

Melihatkan kejadian itu pekerja2 bank berkenaan tidak dapat berbuat apa2 hanya melihat dalam keadaan kaku dan ketakutan ketika mana perompak2 itu meluru masok dengan melepaskan satu das tembakan yang mengenai salah sa-orang kerani bank Dayang Yeo Siew Ang yang kemudian-nya telah di-kejarkan ka-Rumah Sakit Besar di-sini untok di-rawat.

Ada-lah di-fahamkan dari pehak pulis ketika perompak2 itu melarikan diri meninggalkan bank tersebut dengan membawa sa-jumlah wang rompakan, mereka telah bertembong dengan salah sa-orang penjalan kaki, Awg. Mahali bin Haji Abang dan mengakibatkan wang dalam beg berkenaan terjatoh.

Perompak2 itu kemudian-nya telah melarikan diri dengan menaiki sa-buah motosikal menuju Jalan MacArthur dan Jalan Residensi. Dalam perjalanan melarikan diri yang tergopoh-gopoh itu mereka telah memandu motosikal dengan laju dan membahayakan lalu-lintas sa-telah memotong sa-buah kereta yang membawa empat orang anggota AMDB.

Memandangkan keadaan tersebut anggota Askar Melayu Diraja Brunei itu telah mengejar mereka dan dalam kejar mengejar itu salah sa-orang perompak telah melepaskan dua das tembakan, bagaimana pun anggota askar itu telah berjaya melanggar belakang motosikal mereka dan perompak2 itu terjatoh.

Tiba di-Jalan Subok berdekatan dengan Kelab Pegawai2 Rendah Kerajaan perompak2 itu di-tahan dan ini menchetuskan pertengkaran dan pergelutan. Ketika ini salah sa-orang perompak tersebut telah di-tangkap dan yang sa-orang lagi berjaya melepaskan diri sambil melepaskan beberapa das tembakan ka-arah anggota2 askar berkenaan. Mereka kemudian-nya melaporkan pada pehak pulis.

Pehak pulis yang tiba beberapa minit ka-tempat kejadian itu terus mengadakan sekatan jalanraya, bagaimana pun sa-jurus kemudian perompak yang berjaya melarikan diri itu munchol tiba2 dalam sa-buah kereta yang di-churi dari arah bukit Subok dan meluru ka-bawah melanggar sekatan pulis menuju ka-Jalan kota Batu.

Pulis kemudian-nya mendapati kereta yang di-pandu oleh perompak itu di-tinggalkan di-Kampong Sungai Besar dan ini memaksakan pehak pulis mengarahkan beberapa yunit pasokan itu bertugas melakukan gerakan sekatan jalanraya di-sa-panjang Jalan Kota Batu.

Dengan bebas-nya perompak berkenaan berkeliaran di-kawasan itu, pendudok2 di-kawasan tersebut sa-panjang malam berada dalam ketakutan, bagaimana pun sa-telah hampir2 24 jam perompak berkenaan telah di-berkas hasil dari kerjasama pendudok2 di-kawasan yang terlibat dalam buruan itu.

Dari muka 1

Beliau telah di-hantar ka-New Zealand di-bawah skim latehan dalam perkhidmatan dari tahun 1976 hingga 1978 di-mana beliau memperolehi Diploma dalam Sains Pertanian dan Sarjana Sains Pertanian (Kepujian) dari Universiti Canterbury. Sa-belum memegang jawatan-nya sekarang, Awang Danial ia-lah Pegawai Pertanian Kanan.

Lantekan kedua2 Pengarah dan Timbalan Pengarah Pertanian itu bermula pada 5hb September, 1979.

# Pegawai Perhubongan Haji



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek sa-ramai 8 orang pegawai kerajaan menjadi Pegawai Perhubongan Haji pada tahun 1399/1979 ini.

Mereka itu ia-lah: (Dudok dari kiri): Dato Seri Laila Jasa Awang Abd Rahman bin Haji Besar, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pehin Datu Pekerma Wijaya Major Dato Awang Hussin bin Haji Sulaiman.

(Berdiri dari kiri): Awang Abd Rahman bin Khatib Abdullah, Awang Haji Kassim bin Haji Ahmad, Awang Abd Rajid bin Haji Abd Kadir, Awang Puasa bin Tudin, Awang Haji Md Jali bin Abd Latif—Gambar JHEU.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.